

'Tekad harum nama negara'

Kota Bharu: Johan qari dan qariah Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-56, berazam mengharumkan nama negara pada tilawah al-Quran peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur mulai 29 Jun hingga 6 Julai ini.

Anuar Hasin, 29, dari Perak, dan Hanimzah Jalaluddin, 31, dari Pahang, bertekad memperbaiki diri dalam pelbagai aspek merangkumi bacaan, latihan suara, pernafasan, tajwid dan taranum.

Anuar yang juga pensyarah Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, usaha memperbaiki diri perlu ditingkatkan kerana peserta antarabangsa mempunyai kekuatan dan kehebatan tersendiri.

"Persediaan untuk peringkat antarabangsa memerlukan banyak latihan manakala aspek suara dan nafas juga perlu diberi fokus kerana peserta antarabangsa memiliki kelebihan dalam aspek itu,"

katanya yang bersyukur menjadi juara selepas empat kali menyertai tilawah peringkat kebangsaan.

Kedua-duanya menerima sebuah PROTON Preve, wang tunai RM15,000, piala iringan, cenderamata dan sijil penyer-taan.

Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang di Dewan Besar Balai Islam, Lundang, di sini, malam kelmarin.

Johan Akademi al-Quran

Anuar yang juga Johan Akademi al-Quran musim kedua memperoleh 92.33 peratus markah manakala Hanimzah mendapat 88.34 peratus.

Mengulas mengenai lima daripada enam peserta yang menang pada tilawah berkenaan adalah bekas peserta program realiti televisyen, Akademi Al-Quran (AQ), Anuar berkata, ramai daripada mereka mempunyai bacaan baik.



"
Peringkat antarabangsa memerlukan latihan aspek suara dan nafas juga perlu diberi fokus"

Anuar Hasin,
Johan qari

"Penyer-taan adalah kebetulan dan AQ membantu lahirkan kami tetapi sebelum itu pun, kami mempunyai asas pengajian taranum.

"AQ menjadi batu loncatan untuk lebih maju," kata qari kelahiran Parit Buntar itu.

Hanimzah mengakui teruja mewakili negara ke peringkat



"
Saya akan memperbetulkan pelbagai aspek terutama taranum dan tajwid"

Hanimzah Jalaluddin,
Johan qariah

antarabangsa dan bertekad memberikan yang terbaik.

Perbaiki tajwid

"Saya akan memperbetulkan pelbagai aspek terutama taranum dan tajwid," katanya yang mewakili Pahang enam kali pada tilawah peringkat kebangsaan.